

25/10/2003

Malaysia sedia kongsi pengalaman bantu PNG

Mustapa Omar

PORT MORESBY: Malaysia sedia berkongsi pengalaman dengan Papua New Guinea

(PNG) dalam usaha menyusun semula ekonominya, termasuk di sektor kewangan

dan perbankan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan PNG sudah memperkenalkan pelbagai langkah dan pakej reformasi bagi memulihkan ekonominya dan mewujudkan pelan pembangunan yang berkesan.

"Tempoh mencabar yang dihadapi PNG kini dalam memodenkan ekonominya, pernah dilalui oleh Malaysia terutama ketika ekonomi negara diserang penyangak mata wang pada 1997/98. Oleh itu, kami sedia membantu PNG jika diperlukan," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada majlis jamuan malam rasmi yang diberikan oleh rakan sejawatnya, Sir Michael Thomas Somare, di sini malam tadi.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di sini semalam dari Dili, Timor Leste, dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke PNG, negara terakhir dilawatnya sebelum bersara pada akhir bulan ini.

Turut sama dalam rombongan beliau ialah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak; Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri

Dr Lim Keng Yaik.

Selain itu, lebih 40 ahli perniagaan turut menyertai delegasi berkenaan

termasuk Presiden Petronas, Tan Sri Hasan Merican; Ketua Eksekutif Kumpulan Guthrie, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Pengerusi Eksekutif Puncak Niaga, Tan Sri Rozali Ismail.

Ketibaan Perdana Menteri disambut dengan tembakan meriam 19 das, sebelum beliau memeriksa kawalan kehormatan pasukan Polis Diraja PNG. Ini adalah lawatan ketiga Dr Mahathir ke PNG selepas kunjungan pertamanya pada 1982 dan pada 1984.

Semalam, Perdana Menteri turut mengadakan pertemuan dengan Somare, diikuti mesyuarat delegasi dan mengunjungi Gabenor Jeneral Sir Silas Atopare di Rumah Kerajaan, Konedobu, dekat sini.

Hari ini, Perdana Menteri sekali lagi mengadakan pertemuan empat mata dengan Somare diikuti perjumpaan dengan masyarakat Malaysia di PNG dan menyampaikan ucapan pada Dialog Perniagaan PNG-Malaysia, sebelum berlepas pulang ke tanah air.

PNG yang mencapai kemerdekaan pada 16 September 1975, mempunyai penduduk berjumlah lebih 5.1 juta dengan aktiviti ekonominya tertumpu kepada pertanian, pelombongan, perikanan, perhutanan, pembuatan dan pembinaan.

Dr Mahathir berkata, hubungan Malaysia dan PNG amat baik sejak kedua-dua negara menjalin hubungan diplomatik pada 1976. Malah, selepas lebih dua setengah dekad, kedua-dua negara sudah mewujudkan pelbagai kerjasama dua hala dalam banyak bidang.

Sementara itu, Somare berkata PNG mengharapkan lebih banyak pelaburan dari Malaysia dan kerajaannya sedia membantu mana-mana pihak yang ingin melabur di negara ini selaras usaha meningkatkan lagi hubungan dagang antara kedua-dua negara.

"Pelaburan Malaysia di sini menunjukkan peningkatan menggalakkan dalam tempoh 10 tahun dengan 246 permohonan untuk melabur dalam pelbagai bidang diluluskan kerajaan dalam tempoh antara 1999 hingga tahun ini.

"Ia secara tidak langsung menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini sempena lawatan Dr Mahathir.

Antara syarikat Malaysia yang sudah lama bertapak di negara ini termasuk International Food Corporation Ltd, New Britain Palm Oil, RH Groups of Companies dan banyak lagi syarikat yang terbabit dalam kegiatan pemborongan dan runcit, pembuatan, pembinaan, perhotelan serta pembalakan.

Beliau berkata, Malaysia terus menunjukkan sokongan dan keyakinan terhadap PNG melalui penyediaan pinjaman untuk projek pembangunan, termasuk yang terbaru membabitkan pinjaman bagi membiayai projek membina Jalan Kerema-Malalau.